

## Ilmu, jati diri bantu martabatkan bahasa

KUANTAN - Penguasaan ilmu serta jati diri memainkan peranan penting dalam memartabatkan bahasa kebangsaan di negara ini.

Pensyarah Pengajian Malaysia Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ahmad Ibrahim berkata, sekiranya penggunaan bahasa yang betul tidak dititikberatkan dalam kehidupan, tidak mustahil satu hari nanti bangsa Melayu akan hilang bahasanya.

"Ramai antara kita yang tidak mempunyai perasaan bangga apabila bertutur dalam Bahasa Melayu, sebalik-

nya mereka lebih mengagung-agungkan bahasa luar.

"Tidak salah sekiranya seseorang itu ingin menguasai lebih daripada satu bahasa, namun perlu diingatkan bahasa kebangsaan tetap keutamaan," katanya.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak menafikan penggunaan Bahasa Inggeris jadi meluas bukan kerana faktor globalisasi sahaja, sebaliknya, kebanyakan teknologi yang digunakan di negara ini menggunakan bahasa itu.

"Namun, dalam kita mengejar arus pembangunan, kita tidak seharusnya

meletakkan bahasa kebangsaan ke belakang sebaliknya perlu membawanya seiring dengan pembangunan" katanya.

Tambahnya lagi, penggunaan bahasa rojak juga menjadi salah satu faktor yang merosakkan bahasa.

"Jangan sesekali mencampuradukan Bahasa Melayu dan Inggeris ketika bertutur kerana ia menggambarkan betapa cetecknya penguasaan ilmu bahasa seseorang."

"Sekiranya bahasa yang digunakan tidak disusun dengan baik, orang luar akan memandang rendah terhadap bahasa

Sinar (Sentral) Ahad 24/4/11 m/s

kita," soalnya.

Menurut Ahmad lagi, pengaruh loghat bahasa juga menghalang seseorang untuk menguasai sistem bahasa yang baik serta penggunaan bahasa yang cantik.

"Jadi kebiasaan masyarakat menggunakan kebiasaan yang mudah difahami atau lebih tertarik dengan loghat bahasa seseorang ketika bertutur biarpun penggunaan tatabahasanya tidak betul. Mereka mungkin tidak menyedari perbuatan itu sebenarnya merosakkan bahasa," katanya.